

23 Januari 2018

<https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/01/379240/manfaatkan-tanah-bekas-lombong>

## MANFAATKAN TANAH BEKAS LOMBONG



Oleh Profesor Dr Ismail Omar

ANTARA punca harga tanah meningkat adalah penawaran atau bekalan yang terhad, sedangkan permintaan sentiasa tinggi. Ahli ekonomi tanah berpendapat, apabila penawaran tidak sejalan dengan permintaan tinggi di pasaran, harga akan meningkat.

Apabila permintaan semakin tinggi dan penawaran tanah masih jugalah terhad, harga di pasaran akan terus meningkat. Hanya langit menjadi sekat. Justeru, satu daripada cara memperlakankadarkenaikan harga tanah (atau rumah) adalah dengan mengubahsuaibekal tanah.

Kaedah yang sering digunakan, termasuk menebus guna atau menambatkan laut, memajukan tanah terbiar, menambah nisbah ketumpatan bangunan (tingkat bangunan) dan memajukan semulajamahan yang dirobokkan dan dibina bangunan baharu. Satu cara lagi adalah memajukan tanah bekas lombong yang terbiar.

Hasil bumi Tanah Melayu dari padabijihtimah sahaja dilaporkan 16,000 tan pada 1850 meningkat menjadi 19,600 tan pada 1881. Kemudian, meningkat sehingga 50,000 tan pada 1904. Pada 1913 51,000 tan dan terus meningkat 77,000 tan pada 1939 dengan penggunaan 105 kapal korek pada 1929.

Malangnya, permintaan jatuh apabila ekonomi meleset sepanjang 1929 hingga 1932 yang menyaksikan harga bijihtimah jatuh merudum. Dilaporkan, ada kira-kira 300,000 hektar tanah bekas lombong di seluruh negara yang perlu dimajukan semula dengan cara paling cekap dan berkesan.

Kewujudan tanah bekas lombong ini akibat proses perlombongan khususnya bijihtimah. Perlombongan besar-besaran mengganggu kestabilan struktur tanah apabila hasil bumi diambil, tetapi tindakan pemuliharaan tidak dijalankan dengan sewajarnya.

Justeru, tanah bekas lombong ini jugadenialise bagaitanah terusik kesan perlombongan yang menghasilkan dua jenis tanah iaitu tanah berpasir dan tanah berkeleodak. Struktur tanah bekas lombong kurang stabil. Kajian menunjukkan pada asasnya, tanah pasir bekas lombong mempunyai 95 hingga 98 peratus pasir kasar bercampur batukerikil, berbutir tunggal dan mempunyai tahap saliran tanah yang tinggi.

Tanah bekas lombong terletak di atas landskap yang rata, beralunan berombak. Tanah pasir bekas lombong mempunyai tahap kesuburan tanaman yang rendah, keupayaan pegangan air dan nutrien bajajugarendah, kadar larutresaptinggidengan suhu permukaan yang tinggi. Semuaciri-ciri ini menjadikantanaman tertentu kurang sesuai kecuaitanamankontanseperti ubikayu, keledak, cili, seleri, sayur-sayuran dan sengkang.

Untuk maksud pemuliharaan supaya sesuai bercucuk tanam, penggunaan bahan organik yang banyak diperlukan. Selain itu, sistem pengairan yang baik perlu diadakan. Bagitanaman buah-buahan, penambah tanah lempung boleh dilakukan. Pembajaan sempurna diperlukan dan tanah bercerun perlu diratakan.

Penggunaan sungkapan boleh mengurangkan suhu, mengawal rumpai dan meningkatkan kesuburan tanah. Penggunaan kapur juga boleh menambah baik keadaan tanah untuk tanaman. Apabila sistem memerlukan penambahbaikan yang ketara, kos meningkat. Kos perludiseimbangi dengan produktiviti.

Dengan langkah pembaikan dan amalan pengurusan tanah yang betul, tanah pasir bekas lombong boleh diusahakan dengan jayanya untuk pelbagai tanaman masa singkat seperti sayur-sayuran, keledak, sengkang, ubikayu dan buah-buahan termasuk jambu batu, belimbing, betik dan mangga.

Jika perkara ini dapat dilakukan dengan sempurna, hasil pertanian jutaan ringgit mampu dihasilkan dan kos import makanan boleh dikurangkan.

Usaha yang dijalankan agensi kerajaan termasuk Jabatan Geosains dengan menjalankan kajian mengenai kesesuaian tanah

perlu dipuji. Usaha giat yang dijalankan Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah mengklasifikasikan tanah yang sesuai dengan pertanian dan sebagainya juga perlu dipuji.

Begitu juga usaha di jalankan agensi kerajaan lain seperti Jabatan Pertanian memajukan tanaman kontan di tanah bekas lombong mulamena dapatkan hasil.

Begitu juga dengan Jabatan Perumahan Negara yang mengusahakan pembinaan di atas tanah bekas lombong yang mulamena menunjukkan kejayaan. Tidak ketinggalan, usaha kerajaan negeri yang prihatin untuk memajukan tanah bekas lombong dengan membina pusat rekreasi dan santuari, padang golf dan pembinaan kampus universiti. Universiti Teknologi Petronas, Universiti Tuanku Abdul Rahman dan Universiti Teknologi MARA dibina di atas tanah bekas lombong.

Penulis terbahagi dalam perbincangan semakan separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-11 mengenai hartanah, baru-baru ini. Usaha kerajaan menjalankan semakan ini untuk memastikan negara berada pada landasan yang betul amat penting. Semakan menunjukkan adakah halangan untuk mencapai sasaran yang ditentukan. Misalnya, tahap pemilikan hartanah Bumiputera masih rendah yakni kurang 18 peratus berbanding kaum lain. Justeru, usaha dalam agensi perlu digembeleng ke arah mentransformasikan kemajuan hartanah di negara kita.

Pengurusan bersepadu

Sesungguhnya pengurusan tanah mestidilakukan secara bersepadu, holistik dan membabitkan semua agensi berkaitan tanah sama ada pada peringkat negeri mahupun Kerajaan Persekutuan. Sudah sampai masa untuk kita membentuk agensi khusus menggerakkan usaha mentransformasikan pembangunan tanah yang kebanyakannya masih mundur, ketinggalan dan memerlukan bantuan segera.

Agensi berkenaan akan menjangkan menjalankan kajian pasaran sertakajian kemungkinan bagimengetahui perkaranya yang perlu dilakukan untuk memajukan tanah terbiar termasuk tanah bekas lombong. Lebih penting ialah bagaimana melakukannya dengan cekap dan berimpak tinggi. Akhirnya, tanah seperti tanah wakaf, rizab Melayu, tanah pertanian, tanah pribumi, tanah adat dan tanah bekas lombong yang terbiar dapat dimajukan sebaik-baiknya.

Penulis adalah Presiden Pertubuhan Profesional Tanah Malaysia (PERTAMA) dan pensyarah kanan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia